



SIARAN AKHBAR

LAWATAN KERJA MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN KE LOT SENGKUANG, MUKIM LABI , DAERAH BELAIT

Mukim Labi, Daerah Belait

Hari Khamis, 10 Zulkaedah 1441H bersamaan 02 Julai 2020M

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengadakan lawatan kerja dan menghadiri Majlis Penanaman Padi di Lot Sengkuang, Mukim Labi, Daerah Belait. Lawatan kerja pada hari ini antaralain adalah bertujuan untuk meninjau dengan lebih dekat lagi usaha-usaha bagi projek pengairan di kawasan Lot Sengkuang, Mukim Labi, Daerah Belait Yang Berhormat Dato Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah lokasi antaranya lokasi *trial* bagi Projek Penerokaan Air Bawah Tanah (*Underground Water*) dan lokasi bagi cadangan Pembinaan Empangan Rendah di Sungai Rampayoh dan Menaiktaraf Sistem Irigasi Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Lot Sengkuang, Mukim Labi, Daerah Belait.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan; pegawai-pegawai kanan dan para pegawai daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) Labi.

Kedatangan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di tapak penanaman padi Lot Sengkuang, Mukim Labi, Daerah Belait serta rombongan telah dialu-alukan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput, Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Pengurus MPM Labi; Yang Mulia Awang Yong Khian Fook; dan ahli-ahli MPM yang lain.



Aturcara Majlis Penanaman Padi didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Akup bin Haji Lamat, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan taklimat ringkas yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Yong Khian Fook mengenai projek penanaman padi di Lot Sengkuang. Majlis seterusnya diikuti dengan penanaman padi yang dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di ladang yang diusahakan oleh Yang Mulia Awang Yong Khian Fook. Pelaksanaan penanaman padi di Lot Sengkuang, Mukim Labi ini adalah merupakan penanaman padi bagi luar musim 2020 yang mana melibatkan seramai 8 orang pengusaha padi dengan ladang berkeluasan 20.7 hektar. Varieti padi yang ditanam di kawasan ini ialah varieti padi BDR5 dan MRQ76 masing-masing mempunyai potensi hasil sebanyak 2 tan metrik sehektar semusim dengan mengambilkira kawasan ini tidak mempunyai sistem pengairan.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melawat ke lokasi *trial* bagi Projek Penerokaan Air Bawah Tanah (*Underground Water*). Projek Penerokaan Air Bawah Tanah (*Underground Water*) pada kali ini adalah fasa yang kedua iaitu kesinambungan fasa pertama yang mana melibatkan penyiasatan tapak (*site investigation*) melalui kaedah *Electrical Resistivity Tomography Analysis* (ERT). Hasil kerja-kerja fasa pertama mendapati bahawa terdapat potensi keberadaan sumber air bawah tanah di KKP Lot Sengkuang. Kerja-kerja fasa kedua akan mula dilaksanakan pada bulan Julai ini yang mana melibatkan pembinaan telaga percubaan (*trial well*) bagi membuat ujian pengepaman untuk mengetahui kapasiti dan pemulihan air bawah tanah. Hasil keputusan dari kedua-dua ujian tersebut akan menentukan perlaksanaan fasa ketiga iaitu pembinaan Telaga Kekal (*permanent well*) di kawasan KKP Lot Sengkuang pada awal bulan Ogos 2020.

Lawatan diteruskan ke lokasi bagi cadangan Pembinaan Empangan Rendah di Sungai Rampayoh dan Menaiktaraf Sistem Irigasi KKP Lot Sengkuang, Mukim Labi. Cadangan Pembinaan Empangan Rendah di Sungai Rampayoh dan Menaiktaraf Sistem Irigasi KKP Lot Sengkuang, Mukim Labi ini adalah salah satu lagi sumber alternatif untuk pengairan di kawasan tersebut. Air Sungai Rampayoh akan disalurkan ke ladang-ladang padi melalui saluran irigasi (*irrigation canal*). Empangan Rendah yang akan dibina menyeberangi Sungai Rampayoh diharap akan dapat menakong dan menaikkan paras



air di bahagian aliran atas sungai (*upper stream*) pada musim panas untuk bekalan air irigasi.

Projek-projek pengairan tersebut adalah bertujuan untuk menaiktaraf sistem pengairan di Lot Sengkuang, Mukim Labi yang juga merupakan antara usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah meningkatkan lagi keluaran serta tahap sara diri bekalan beras Negara dalam memastikan sekuriti makanan bekalan beras di Negara ini adalah terjamin.

Disediakan oleh:

**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 10 Zulkaedah 1441 bersamaan 02 Julai 2020

A handwritten signature in blue ink, likely belonging to the responsible officer.